

14 APR 2002

MAGHRIBI-PELUANG/I

BANYAK PELUANG USAHA SAMA DI MAGHRIBI BAGI SYKT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 14 April (Bernama) -- Kerajaan Maghribi di mana tahun lalu hanya menyumbang 0.01 peratus daripada jumlah tawaran perdagangan global Malaysia menawarkan pelbagai bentuk peluang usaha sama bagi syarikat-syarikat Malaysia.

"Saya rasa terdapat banyak bahagian di mana ahli perniagaan Maghribi dan pelabur-pelabur Malaysia boleh bekerjasama," kata Duta Maghribi ke Malaysia Dr Badre Eddine Allali.

Sektor-sektor ini terdiri daripada prasarana hinggalah kepada pembinaan jalan dan pelabuhan, penjana kuasa, pelancongan, perumahan, pengangkutan serta penerokaan dan pengusahaan minyak, katanya kepada Bernama dalam satu temubual baru-baru ini.

Suasana kestabilan politik dan keadaan ekonomi yang menggalakkan serta kos buruh murah dan laluan masuk mudah ke Kesatuan Eropah (EU) menjadikan Maghribi sebuah pasaran bernilai di Mediterranean yang perlu diberi perhatian.

Dengan menyebut bahawa Malaysia telahpun mempunyai "beberapa" bentuk pelaburan di negaranya, Allali berkata pelabur-pelabur asing menyifatkan rangka kerja undang-undang di sana sebagai sangat menarik.

Beliau berkata kerajaannya menawarkan insentif tertentu kepada pelaburan asing di beberapa sektor ekonomi.

"Terdapat pakej menarik yang termasuk negeri atau kerajaan Maghribi berkongsi perbelanjaan dengan pelabur berkaitan dengan tanah, dalam membeli tanah dan juga membina kilang dan sebagainya," katanya.

Satu lagi bahagian yang menarik minat pelabur-pelabur asing adalah dalam penswastaan sektor awam Maghribi yang bermula pada tahun 1980-an dan telah menyaksikan penswastaan sejumlah besar syarikat yang terlibat dalam sektor perindustrian dan perkhidmatan.

"Penswastaan terbaru adalah berkaitan penjualan sebahagian daripada saham modal syarikat telekom negara dan terdapat banyak lagi penswastaan dalam tempoh terdekat ini," kata Allali.

Bagi tenaga kerja negara, beliau berkata rakyat Maghribi terkenal sebagai buruh yang baik, produktif dan kos rendah berbanding kawasan lain di Mediterranean tetapi mereka dibayar gaji yang minimum kira-kira AS\$150 (RM570) sebulan.

Selain permintaan domestik, Allali berkata negaranya juga boleh berfungsi sebagai papan loncatan bagi eksport ke EU yang mempunyai jumlah penduduk 300 juta.

Kemudahan ini tersedia hasil daripada perjanjian yang dimeterai oleh Maghribi dengan EU untuk menubuhkan kawasan perdagangan bebas menjelang 2010.

Mengenai hubungan perdagangan Maghribi-Malaysia, beliau berkata kedua-dua negara mencatatkan jumlah perdagangan yang sederhana kira-kira AS\$20 juta (RM76 juta) setahun.

Allali berkata lawatan selama tiga hari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir ke Maghribi bermula 15 April ini dijangka mengukuhkan lagi hubungan perdagangan ini.

"Oleh itu, kami berharap menerusi lawatan ini...dan kami tahu terdapat rombongan besar ahli perniagaan yang mengiringi Perdana Menteri, akan terdapat hubungan yang baik dengan kumpulan perniagaan di Maghribi.

"Dan, saya yakin dengan lawatan ini mereka akan meneroka bahagian dan peluang baru dalam sektor perdagangan antara kedua-dua negara," katanya.

Kira-kira 100 ahli perniagaan Malaysia akan mengiringi Dr Mahathir dalam kunjungannya ke negara-negara Afrika utara iaitu Maghribi, Libya dan Bahrain.

Maghribi akan menjadi negara pertama dikunjungi oleh Perdana Menteri, diikuti kemudiannya oleh Libya dan akhir sekali di Bahrain pada 21 April.

Duta itu berkata setakat ini perdagangan dua hala antara kedua-dua negara banyak memihak kepada Malaysia.

Eksport Malaysia ke Libya terdiri daripada produk elektrik dan elektronik serta getah manakala Maghribi termasuklah produk aluminium, kraftangan dan makanan dalam tin.

"Sudah semestinya mereka boleh meningkatkan eksport (dari Maghribi) makanan dalam tin, produk kulit, fosfat, baja, asid posperik, buah-buahan sitrus dan juga produk perindustrian agro," tambah Allali. --BERNAMA

MAD KHY MR ZK